



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PAUN ANJING
PERTUBUHAN PEMULIHARAAN ANJING
TERBIAR (MERCY) PERAI**

OLEH

**YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 APRIL 2021 (SABTU)
3.00 PETANG**

**PAUN ANJING (MERCY)
BERHADAPAN DEPO PEMBERSIHAN INDERAWASIH PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Professor Dr Ramasamy a/l Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmud
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Turaisingam a/l Mahalingam
Pengerusi Pertubuhan Pemuliharaan Anjing Terbiar

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul dan bertemu pada petang ini dalam Majlis Perasmian Paun Anjing kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MBSP dan Pertubuhan Pemuliharaan Anjing Terbiar (MERCY) Perai. MBSP menyediakan tapak 0.17 ekar, Kerajaan Negeri menyediakan dana pembangunan dan diserahkan kepada MERCY untuk pengurusan.

Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Berhormat Professor Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang merangkap ADUN Perai kerana sudi hadir untuk menyempurnakan majlis pada petang ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Puan Setiausaha Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan serta warga kerja MBSP; dan para hadirin yang dihormati sekalian kerana sudi hadir bersama untuk memeriahkan lagi majlis pada petang ini. Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Encik Turaisingam a/l Mahalingam, Pengerusi Pertubuhan Pemuliharaan Anjing

Terbiar dan kesemua Ahli Jawatankuasa MERCY yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi komitmen padu dalam menjayakan program pada hari ini.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Professor, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Isu anjing terbiar masih lagi menjadi isu kritikal di Seberang Perai. Adalah dianggarkan anjing terbiar yang berkeliaran di kawasan Seberang Perai berjumlah kira-kira 30,000 ekor. Sejak tahun 2019 sehingga Mac 2021, MBSP telah menerima sebanyak 8,023 aduan berhubung anjing-anjing terbiar dan berada pada tangga lima (5) teratas dalam susunan aduan.

MBSP komited untuk menangani isu anjing liar demi meningkatkan tahap keselamatan dan kesejahteraan penduduk di Seberang Perai. Justeru, lapan (8) strategi telah dirangka untuk dilaksanakan sehingga tahun 2030 iaitu; melantik Doktor Veterinar sepenuh masa berkhidmat dengan MBSP; mengadakan Program Pemandulan; mengadakan Program TNR-M; pembinaan Paun Haiwan; mengadakan Program *Adoption*; Program Pendidikan; mengadakan operasi tangkapan dan operasi penguatkuasaan.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Professor, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP telah melantik doktor veterinar yang mempunyai kelayakan professional berkhidmat sepenuh masa dengan MBSP untuk melaksanakan aktiviti pemandulan haiwan. Di samping membantu mengekang pembiakan, pemandulan juga berupaya untuk mengurangkan risiko penyakit pada anjing-anjing. Operasi pemandulan anjing diadakan pada setiap hari Jumaat kecuali cuti umum, dengan bayaran sebanyak RM80.00 untuk anjing jantan dan RM80.00 untuk anjing betina.

Strategi Program pemandulan juga dilaksanakan dengan kerjasama klinik veterinar swasta dan pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Walau bagaimanapun, sehingga Mac 2021 hanya 17 ekor anjing yang telah berjaya dimandulkan. Angka ini agak rendah berikutan berlakunya pandemik COVID19.

Strategi *Trap, Neuter, Release and Manage* (TNR-M). adalah kerjasama dengan *Ipoh Society for the Prevention of Cruelty to Animals* (ISPCA). *Memorandum Of Outstanding (MOU)* antara MBSP dan ISPCA telah ditandatangani pada 21 Disember 2020. ISPCA dilantik kerana telah berjaya melaksanakan TNR-M di Ipoh. Rakan strategik bagi pelaksanaan program ini adalah untuk tempoh dua tahun bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022.

Program ini mensasarkan sebanyak 5,000 ekor anjing termasuk kucing yang akan dimandulkan bagi tempoh masa tersebut. Selain pemandulan, kerjasama dengan ISPCA turut melibatkan program pendidikan dengan edaran risalah dan taklimat di samping menerangkan konsep projek berkenaan kepada orang awam.

Strategi Mendirikan Paun Haiwan untuk menyimpan anjing-anjing berkeliaran atau anjing terbiar yang mengganggu ketenteraman awan di mana anjing-anjing ini akan dirawat dan dijaga sebelum diserahkan kepada orang yang berminat untuk dijadikan haiwan kesayangan (*pet*). Di Seberang Perai terdapat empat (4) Paun Haiwan iaitu:-

- i. Paun Anjing di atas tanah yang dipajakkan dan dikendalikan oleh SPCA yang boleh menampung 2,000 ekor anjing,
- ii. Butterworth Fur Kid Home di Juru yang boleh menampung lebih kurang 1,000 ekor anjing,
- iii. Paun Simpanan Haiwan MBSP yang telah siap dibina pada 27 Ogos 2018. Keluasan tapak Paun adalah sebanyak 0.2614 ekar. Kos pembinaan Paun adalah sebanyak RM414,820.00. Terdapat 10 komponen utama dalam Paun iaitu pejabat, klinik pemandulan, stor, tandas, kandang lembu, kandang kambing, kandang babi, kandang anjing dan kandang kucing / ayam. Kapasiti penyimpanan haiwan dalam Paun untuk satu-satu masa adalah sebanyak dua (2) ekor lembu, enam (6) ekor kambing, dua (2) ekor babi, 100 ekor anjing dan 50 ekor kucing dan ayam.
- iv. Paun Anjing kerjasama MBSP dan MERCY di Inderawasih, Perai yang boleh menampung 200 ekor anjing. Inilah paun yang akan dirasmikan hari ini.

Secara amnya, paun anjing adalah tempat menampung anjing-anjing peliharaan yang hilang dan anjing-anjing terbiar yang ditangkap. Ianya menyediakan tempat tinggal dengan persekitaran yang sesuai dan terkawal serta mempunyai kebebasan untuk berkelakuan seperti sifat semulajadinya. Anjing-anjing di paun dirawat, diberi makan dan mendapat perlindungan daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit. Paun anjing ini juga merupakan satu transit di mana anjing-anjing terbiar mempunyai peluang untuk dijadikan haiwan kesayangan oleh mana-mana pihak yang berminat.

Strategi Program *Adoption*, MBSP bercadang untuk mengadakan hari terbuka untuk menggalakan pencinta haiwan mengambil angkat anjing-anjing tersebut atau membawa pulang untuk dipelihara. masalah anjing terbiar ini sukar diselesaikan kerana kadar pembiakan anjing terbiar yang pantas.

Strategi Program Pendidikan Haiwan Kesayangan merupakan salah satu aktiviti di bawah *Seberang Perai Corporate Priorities* bagi mewujudkan persekitaran yang selamat. Mengedarkan risalah serta penerangan oleh pegawai MBSP tentang pentingnya kaedah pemandulan anjing dijalankan dalam usaha mengawal populasi anjing terbiar dan mendidik mereka pengendalian haiwan kesayangan untuk menghindarkan tabiat membuang anjing dan anak-anak anjing peliharaan yang tidak diingini di merata-rata tempat.

Strategi melaksanakan operasi tangkapan anjing terbiar setiap hari di sekitar taman perumahan, pasar awam dan lain-lain. Dari Januari sehingga Mac 2021 sebanyak

547 ekor anjing telah ditangkap. Anjing yang terbiar akan diberi rawatan dan menyediakan pusat jagaan.

Strategi penguatkuasaan di mana sehingga Mac 2021, sebanyak 98 kompaun dan 82 notis telah dikeluarkan kepada pemilik-pemilik anjing yang membiarkan anjing mereka berkeliaran di tempat awam tanpa pengawasan dan melanggar undang-undang yang telah ditetapkan.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menasihatkan pemilik haiwan kesayangan supaya tidak sewenang-wenangnya membuang anjing atau kucing mereka kerana perbuatan sebegini adalah satu kezaliman kepada haiwan yang disayangi.

MBSP telah menetapkan satu *guiding principle* iaitu “*City for All*”. Ini adalah satu petunjuk yang jelas bahawa pembangunan bandar adalah untuk rakyat dan oleh rakyat (*build this city for the people and by the people*). Saya yakin MBSP dapat merealisasikan “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” menjelang tahun 2022 dan mentransformasi Seberang Perai menjadi **SMART SUSTAINABLE CITY** menjelang tahun 2030.

MBSP menyeru kepada kesemua NGO yang aktif dalam pengurusan, pemuliharaan dan pemeliharaan haiwan kesayangan seperti SPCA, SOS, MERCY untuk bergerak lebih aktif supaya isu anjing terbiar diatasi secepat mungkin bagi meningkatkan kualiti rakyat. Saya menyeru kepada pemilik-pemilik anjing supaya tidak membuang

secara zalim haiwan-haiwan kesayangan mereka di kedai makan, pasar awam dan merata-rata tempat kerana ini akan mengganggu kesejahteraan rakyat.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Professor, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Berhormat Professor Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang kerana sudi hadir untuk menyempurnakan majlis ini. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan program pada hari ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli-Ahli Majlis, warga kerja MBSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang memberikan sokongan padu ke atas kesemua usaha-usaha MBSP.

Saya sudahi dengan **Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Sekian, Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You